

Bilik Rehat juga akan dikunci dan tidak akan dibuka jika pelajar tertinggal atau hendak mengambil barang sepanjang cuti semester ini.

## 6. KENDERAAN

Semua jenis kenderaan tidak dibenarkan berada di dalam kawasan bangunan blok. Kenderaan hendaklah diletak di parkir kenderaan yang telah disediakan. Kenderaan yang hendak ditinggalkan adalah sah milik pelajar Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) yang berdaftar dan wajib mempunyai pelekat UPM dan Kolej. Kenderaan yang tidak mempunyai pelekat UPM dan Kolej akan diserahkan kepada pihak keselamatan UPM untuk tindakan. Kolej tidak akan bertanggungjawab terhadap kerosakan dan keselamatan kenderaan tersebut.

## 7. BORANG

Pelajar-pelajar yang ingin memohon pertukaran dan tinggal di luar kolej dikehendaki mengisi **Borang Pengesahan Status Penginapan Pelajar (UPM/KK/TAD/BR10)**.

## 8. DENDA

Pihak pengurusan kolej berhak mengenakan amaran dan kadar denda mengikut **Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia** yang terkini kepada pelajar yang tidak mematuhi peraturan kolej.

## 9. PENDAFTARAN KOLEJ BAGI SEMESTER KEDUASESI 2020/2021

Seperti yang sedia maklum, berikutan makluman yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), hanya 6 kategori pelajar sahaja yang dibenarkan pulang ke kampus. Sekiranya nama pelajar tiada dalam senarai yang dibenarkan pulang ke kampus, pelajar hendaklah meneruskan sesi pengajian di rumah masing-masing. Walaubagaimanapun, sekiranya pelajar di dalam golongan B40 atau yang mempunyai masalah mengakses Internet untuk meneruskan PdP, pelajar boleh membuat rayuan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) mengikut tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pelajar yang termasuk di dalam senarai yang dibenarkan pulang ke kampus hendaklah mendaftar masuk pada tarikh seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>: 4 hingga 12 Mac 2021</b>
<b>Masa</b>	<b>: 8.30 pagi – 4.30 petang</b>
<b>Tempat</b>	<b>: Balai Minda, KOSASS</b>

Sekian, terima kasih.

**“BERILMU BERBAKTI”**

Yang menjalankan amanah,

  
**NASRUL AMRI B. SELAMAT**

Penolong Pendaftar Kanan  
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah, UPM

- s.k. - YBhg. Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni), UPM  
- Pengetua – pengetua kolej